

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ  
(PASIR MAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.10.2015**

**Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ PASIR  
MAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang bagi memperhalusi semula perlaksanaan GST dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan GST adalah bertujuan untuk menyusun semula sistem cukai kepenggunaan negara supaya menjadi lebih telus, efisien dan mesra peniaga. Struktur GST yang dilaksanakan telah mengambil kira keadaan sosio ekonomi rakyat

Malaysia dalam memastikan impak pelaksanaan GST adalah pada tahap minima. Ini dapat dilihat apabila pelbagai barang dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Antaranya adalah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, termasuk buah-buahan dan ubat-ubatan yang dikenakan GST pada kadar sifar. Bekalan air dan elektrik bagi kegunaan domestik juga dikenakan GST pada kadar sifar. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan dan pendidikan serta pembelian rumah kediaman juga dikecualikan dari GST. Kerajaan telah menetapkan supaya penjualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG diberi pelepasan GST.

Kerajaan juga telah menyediakan pakej bantuan pelaksanaan GST seperti berikut:

- i. Melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 ke atas penerima bantuan BR1M sedia ada;
- ii. Kadar cukai pendapatan individu dikurangkan sebanyak satu hingga tiga mata peratusan; dan

iii. Cukai pendapatan individu juga distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000. Kadar cukai maksimum yang kini 26% pula dikurangkan kepada 24%, 24.5%, dan 25% mulai tahun taksiran 2015.

Kerajaan sentiasa prihatin dengan keperluan rakyat. Sehubungan ini, pelbagai langkah telah diambil dan inisiatif baru akan dibuat bagi meningkatkan tahap pendapatan dan meningkatkan bantuan kepada kumpulan yang mudah terkesan terutamanya di bawah kumpulan B40.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 50**

**TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [ BATU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak bilakah sistem KEJARA telah digantung. Mengapa sistem KEJARA yang diluluskan Kementerian kini dianggap tidak boleh dipakai lagi. Apakah tindakan yang telah diambil pihak Kementerian terhadap ke semua pesalah yang rekodnya masih lagi di sistem KEJARA.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Mata Demerit atau KEJARA telah dilaksanakan mulai tahun 1997 di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Mata Demerit) 1997. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 telah dipinda bagi membolehkan sistem ini dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan efisyen. Sebelum pindaan akta dibuat, pesalah-pesalah diberi mata demerit sebaik sahaja pesalah tersebut membayar penalti. Manakala selepas pindaan Akta tersebut, mata demerit diabaikan apabila pesalah menyelesaikan penalti dalam tempoh tiga bulan dari tarikh saman dikeluarkan.

Susulan pindaan tersebut, beberapa pihak termasuk ahli akademik telah memberikan pandangan bahawa sistem baru pemberian mata demerit adalah tidak adil. Mereka berpandangan bahawa mata demerit hendaklah diberikan kepada mana-mana pesalah tanpa mengambil kira tempoh pembayaran. Berdasarkan kepada pandangan ini, pihak Kementerian telah memutuskan supaya pelaksanaan sistem mata demerit ditangguhkan buat sementara waktu untuk dikaji semula. Kajian ini diketuai oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama-sama dengan beberapa agensi lain. Kajian tersebut dijangka selesai sepenuhnya pada penghujung tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebarang keputusan daripada hasil kajian ini termasuk status tindakan terhadap pesalah yang rekodnya masih lagi di sistem KEJARA, akan diumumkan dan digunakan untuk pelaksanaan yang lebih berkesan pada masa akan datang.